

Surat khabar: Utusan Borneo (Tempatan)

Hari/Tarikh: 29/8/2013

Muka surat: 4

Tajuk : Sarawak Teroka Potensi Kognitif Untuk Bangun Bakat, Kebolehan Golongan Muda.

Sarawak teroka potensi kognitif untuk bangun bakat, kebolehan golongan muda

KUCHING: Sarawak akan meneroka potensi kognitif manusia khususnya untuk membangunkan bakat dan kebolehan golongan muda yang akan menyumbang kepada Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (SCORE).

Menteri Kebajikan, Wanita dan Pembangunan Keluarga Datuk Fatimah Abdullah berkata, alat-alat kognitif yang mampu mengembangkan produktiviti, meningkatkan tahap kehidupan serta prestasi bekerja, akan menjadi satuellemen penting untuk memastikan Sarawak dan SCORE mampu menarik golongan pemikir dan berbakat dari seluruh negara.

"Sains kognitif merupakan bidang penting untuk Sarawak bagi maju ke hadapan dan seterusnya menjadikan



UNTUK ANDA: Kadim menyampaikan cenderamata kepada Fatimah sebagai tanda kenangan selepas menyempurnakan ICCS 2013, semalam.

Malaysia sebagai pilihan kompetitif dalam pembangunan industri di wilayah ini," katanya ketika berucap merasmikan Persidangan Antarabangsa Sains Kognitif Ke-9 di sini, semalam.

Hadir sama, Naib Canselor Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) Prof Dato Dr Mohamad Kadim Suaidi, Pengurus Lembaga Pengarah UNIMAS Datu Dr Hatta Solhi, Presiden Kehormat

Persatuan Antarabangsa Sains Kognitif Prof Chungmin Lee dan Pengurus ICCS 2013 Prof Madya Dr Shahren Ahmad Zaidi Adruce.

Fatimah memberitahu, keperluan untuk terus mem-

bangunkan kebolehan dan potensi seseorang individu wujud berikutan kepentasan transformasi sosial, ekonomi dan teknologi.

Sebab itu katanya, prestasi dan produktiviti perlu diperbaiki dan tingkatkan bagi menghadapi transformasi dalam mencapai Wawasan 2020.

Oleh yang demikian kataanya, pengajuran ICCS 2013 amat bertepatan agar negara mampu mencapai aspirasi daripada perspektif sains kognitif.

"Pendekatan baharu dalam menyelesaikan masalah, mengajar, membangunkan sumber manusia, menguruskan organisasi dan mengembangkan prestasi manusia mampu melahirkan tenaga kerja yang berkualiti untuk pembangunan negara," katanya.